

VENTOLIN RESPIRATORY SOLUTION

Salbutamol sulphate 5mg/ml

Kandungan risalah ini

- 1 Ventolin Respiratory Solution dan kegunaannya
- 2 Sebelum menggunakan Ventolin Respiratory Solution
- 3 Cara penggunaan Ventolin Respiratory Solution
- 4 Kesan sampingan yang mungkin
- 5 Cara penyimpanan Ventolin Respiratory Solution
- 6 Maklumat lanjut

Larutan Alat Pernafasan

Ventolin dan kegunaannya

Ventolin Respiratory Solution mengandungi ubat iaitu salbutamol. Ia termasuk dalam kumpulan ubat yang dinamakan bronkodilator.

- Bronkodilator membantu saluran udara di dalam paru-paru untuk kekal terbuka bagi memudahkan pergerakan udara masuk dan keluar.
- Ia membantu melegakan sesak dada, nafas berdehit dan batuk.

Ventolin Respiratory Solution digunakan untuk merawat masalah pernafasan pada penghidap asma atau penyakit dada yang lain. Ia biasanya diberikan kepada pesakit yang mengalami keadaan penyakit yang teruk dan rawatan lain tidak cukup berkesan untuk merawatnya. Ventolin Respiratory Solution juga digunakan untuk merawat serangan asma yang teruk.

Ventolin Respiratory Solution mesti digunakan melalui penyedutan daripada pengabut (*nebuliser*) sahaja dan tidak boleh diberi melalui suntikan atau ditelan.

Cara Ventolin Respiratory Solution berfungsi

Salbutamol ialah adrenergik agonis selektif β_2 . Pada dos terapeutik, ia bertindak ke atas adrenergik otot bronkus β_2 tetapi hanya bertindak sedikit atau tidak bertindak langsung terhadap jantung.

Sebelum anda menggunakannya

Elakkan penggunaan Ventolin Respiratory Solution jika:

- Anda alah (hipersensitif) kepada salbutamol sulfat atau bahan lain Ventolin Respiratory Solution (disenaraikan dalam Bahagian 6).

Berhati-hati sebelum menggunakan Ventolin Respiratory Solution

Dapatkan nasihat doktor, jururawat dan ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat anda jika:

- anda mempunyai tekanan darah tinggi
- anda menghidap kencing manis
- anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif
- anda mempunyai sejarah penyakit jantung seperti denyutan jantung yang tidak teratur atau laju, atau angina.
- anda menggunakan larutan pengabut yang lain seperti ipratropium bromide. Pastikan kabus tidak terkena mata. Hal ini dapat dielakkan melalui penggunaan corong mulut berbanding topeng muka atau kaca mata keselamatan.

Pengambilan ubat-ubatan lain

Sila maklumatkan doktor, jururawat atau ahli farmasi anda

jika anda mengambil ubat-ubatan lain baru-baru ini, termasuklah ubat-ubatan yang diambil tanpa preskripsi (termasuk ubatan herba). Pastikan anda membawa ubatan tersebut jika anda perlu ke hospital. Secara terperinci, maklumatkan doktor, jururawat atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- ubatan untuk denyutan jantung yang tidak teratur atau laju
- ubatan lain untuk penyakit asma anda.

Pengambilan Ventolin Respiratory Solution dengan makanan dan minuman

Anda boleh menggunakan Ventolin Respiratory Solution pada bila-bila masa tanpa makan terlebih dahulu.

Kehamilan dan menyusui

Dapatkan nasihat doktor anda jika anda hamil, mungkin hamil atau sedang menyusui.

Memandu atau menggunakan mesin

Ventolin berkemungkinan besar tidak akan menjejaskan kemampuan anda untuk memandu atau menggunakan sebarang peralatan atau mesin.

Cara Pengambilan Ventolin Respiratory Solution

Ventolin Respirator Solution harus diguna seperti yang diperlukan dan bukannya secara kerap.

Jika anda mengguna Ventolin Respirator Solution lebih daripada dua kali dalam seminggu untuk merawat gejala asma anda, tidak termasuk pencegahan sebelum bersenam atau pencetus lain, ini menunjuk asma tidak dikawal dengan baik dan boleh meningkatkan risiko serangan asma yang teruk (asma bertambah teruk).

Anda harus menghubungi doktor anda secepat mungkin untuk menyemak rawatan asma anda.

Jika anda menggunakan ubat anti-radang asma setiap hari, contohnya, “sedutan kortikosteroid”, ia adalah penting untuk terus menggunakannya dengan kerap, walaupun anda berasa lebih baik.

Jika asma anda bertambah teruk (contohnya anda mempunyai simptom yang kerap atau kejang seperti sesak nafas, batuk, sempit, dada sesak, terjaga pada waktu malam atau keupayaan fizikal yang terhad), anda harus memberitahu doktor anda dan doktor mungkin mula atau tambah ubat untuk mengawal asma anda, seperti kortikosteroid yang disedut.

- **Ventolin Respiratory Solution mesti digunakan hanya melalui penyedutan** daripada pengabut, dan ia tidak boleh diberikan melalui suntikan atau ditelan. Pengabut menghasilkan kabus nipis yang anda akan sedut melalui topeng muka atau corong mulut. Pastikan anda tahu cara menggunakannya dengan betul. Jika anda mengalami masalah, sila rujuk doktor, jururawat atau ahli farmasi anda.
- Jangan biarkan Ventolin Respiratory Solution atau kabus yang dihasilkan oleh pengabut memasuki mata anda.
- Gunakan pengabut anda di dalam bilik yang mempunyai pengudaraan yang baik kerana kabus akan dilepaskan ke udara dan mungkin disedut oleh orang lain.
- Pastikan anda tahu cara penggunaan, masa yang sesuai dan jumlah larutan yang perlu digunakan. Ikut arahan doktor anda dengan teliti. Jika anda berasa tidak pasti, sila bertanya kepada doktor, jururawat atau ahli farmasi anda.

Doktor anda mungkin telah

menetapkan rawatan berselang atau rawatan berterusan dengan Ventolin Respiratory Solution.

Rawatan berselang

- **Orang dewasa dan remaja berusia 12 tahun ke atas** – Dos biasa ialah 0.5 ml sehingga 1 ml Ventolin Respiratory Solution (2.5 sehingga 5 mg salbutamol). Sesetengah pesakit mungkin memerlukan dos sehingga 2 ml (10 mg salbutamol).

Kanak-kanak berusia 18 bulan sehingga 12 tahun

- Dos biasa ialah 0.5 ml sehingga 1 ml (2.5 sehingga 5 mg salbutamol) Ventolin Respiratory Solution, untuk diberikan empat kali sehari.

Doktor anda mungkin meminta anda mencairkan Ventolin Respiratory Solution dengan larutan bergaram biasa steril sebelum menggunakannya di dalam pengabut. Ikut arahan yang diberikan untuk mencairkannya.

Rawatan berterusan

- Dos biasa ialah 1 sehingga 2 mg salbutamol sejam.
- Dos ini boleh dihasilkan dengan mencairkan 1 atau 2 ml Ventolin Respiratory Solution ke dalam 100 ml larutan bergaram biasa steril untuk menghasilkan larutan yang mengandungi 50 atau 100 mikrogram/ml salbutamol, dan menyedut kabus daripada pengabut yang sesuai.

Cara Penggunaan Ventolin Respiratory Solution

- 1 Sediakan pengabut untuk diisi dengan larutan.
- 2 Sukat kuantiti Ventolin Respiratory Solution yang betul dan masukkan ke dalam mangkuk pengabut.
- 3 Tambahkan jumlah larutan bergaram biasa steril yang sesuai (pastikan doktor anda telah memaklumkan jumlah yang patut digunakan).
- 4 Letakkan bahagian atas di atas mangkuk pengabut

dan goncang dengan perlahan untuk mencampurkan kandungannya dengan sekata.

- 5 Pasangkan pengabut dan gunakan mengikut arahan.
- 6 Selepas menggunakannya, buang sebarang sisa larutan yang tertinggal di dalam mangkuk pengabut. Bersihkan pengabut anda dengan cara yang disyorkan.

Jika anda menggunakan Ventolin Respiratory Solution lebih daripada yang sepatutnya

Jika penggunaan melebihi dos yang sepatutnya, anda perlu mendapatkan nasihat doktor secepat mungkin. Kesan tersebut mungkin berlaku:

- jantung anda berdegup lebih pantas daripada biasa
 - anda berasa lemah otot.
- Kesan tersebut biasanya akan hilang dalam beberapa jam.

Jika anda terlupa menggunakan Ventolin Respiratory Solution

- Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dengan segera setelah anda teringat.
- Tetapi, jika sudah tiba masanya untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal itu.
- Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika anda berhenti mengambil Ventolin Respiratory Solution

Jangan hentikan pengambilan Ventolin Respiratory Solution tanpa mendapatkan nasihat doktor anda.

Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang penggunaan produk ini, sila dapatkan nasihat doktor, jururawat atau ahli farmasi anda.

Semasa Menggunakan

Ventolin Respirator

Solution

Perkara yang perlu dilakukan

Jika pernafasan atau nafas anda berdehit semakin teruk selepas mengambil ubat ini, hentikan penggunaan serta-merta dan maklumkan doktor anda secepat mungkin.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Perkara yang perlu diperhatikan

Berhati-hati dengan Ventolin

Doktor anda akan mengawasi rawatan anda dengan lebih teliti jika anda mempunyai keadaan kesihatan seperti:

- Penyakit jantung, termasuklah degupan jantung yang tidak teratur atau laju.
- Kelenjar tiroid yang terlalu aktif
- Tekanan darah tinggi
- Kencing manis atau diabetes mellitus (Ventolin mungkin meningkatkan kandungan gula dalam darah)
- Tahap potasium yang rendah dalam darah
- Sedang atau pernah menghidap Tuberkulosis (TB)

Jika anda pernah mengalami mana-mana keadaan tersebut, maklumkan doktor anda sebelum anda menggunakan Ventolin.

Kesan Sampingan

Seperti mana ubatan lain, Ventolin Respiratory Solution boleh menyebabkan kesan sampingan kepada sesetengah pengguna. Kesan sampingan berikut mungkin berlaku:

Reaksi Alahan (mempengaruhi kurang daripada 1 dalam 10,000 orang)

Jika anda mempunyai reaksi alahan, hentikan penggunaan

Ventolin serta-merta dan segera berjumpa doktor. Tanda-tanda reaksi alahan termasuklah bengkak pada muka, bibir, mulut atau tekak yang mungkin menyebabkan kesukaran untuk menelan atau bernafas, ruam gatal, pitam dan pening, dan pengsan.

Dapatkan nasihat doktor anda secepat mungkin jika:

- anda berasa jantung berdegup lebih kencang atau kuat berbanding biasa (berdebar-debar). Keadaan ini tidak berbahaya dan biasanya berhenti selepas anda menggunakan ubat tersebut buat seketika
- anda mungkin berasa jantung berdegup tidak teratur atau terlebih degupan
- kesan ini mempengaruhi kurang daripada 1 dalam 10 orang.

Jika salah satu keadaan tersebut berlaku kepada anda, dapatkan nasihat doktor anda secepat mungkin. **Jangan hentikan pengambilan ubat ini kecuali setelah diarahkan.**

Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan tersebut akibat pengambilan ubat ini:

Kesan-kesan sampingan biasa berlaku

Ini mungkin boleh memberi kesan kepada 1 dalam 100 sehingga 1 dalam 10 orang:

- lemah otot
- sakit kepala.

Kesan-kesan sampingan tidak biasa berlaku

Ini mungkin boleh memberi kesan kepada 1 dalam 1000 sehingga 1 dalam 100 orang:

- radang mulut dan tekak
- kekejangan otot.

Kesan-kesan sampingan jarang berlaku

Ini mungkin boleh memberi kesan kepada 1 dalam 10,000 sehingga 1 dalam 1000 orang:

- tahap potasium yang rendah dalam darah
- peningkatan aliran darah ke kaki dan tangan (dilatasi periferi).

Kesan-kesan sampingan sangat jarang berlaku

Ini mungkin boleh memberi kesan kepada kurang daripada 1 dalam 10,000:

- perubahan corak tidur dan perubahan sikap seperti gelisah dan mudah teruja.

Kesan sampingan di bawah mungkin berlaku tetapi kekerapannya tidak diketahui:

- sakit dada yang disebabkan masalah jantung seperti angina. Sila maklumkan kepada doktor, jururawat atau ahli farmasi jika keadaan ini berlaku. Jangan hentikan penggunaan ubat ini kecuali diarahkan.
- keadaan yang dikenali sebagai asidosis laktik mungkin akan mengakibatkan sakit perut, hiperventilasi, sesak nafas, kedinginan kaki dan tangan, degupan jantung yang tidak teratur atau dahaga.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi semakin teruk, atau jika anda mendapati ada kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila maklumkan doktor, jururawat dan ahli farmasi anda.

Jika anda mendapati ubat ini kurang berkesan kepada anda

Jika ubat ini kurang berkesan kepada anda, dapatkan nasihat

doktor anda secepat mungkin. Masalah sakit dada anda mungkin semakin teruk dan anda mungkin memerlukan ubat yang berbeza. Jangan mengambil dos Ventolin yang melebihi had kecuali atas nasihat doktor.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Penyimpanan dan Pelupusan Ventolin Respiratory Solution

- Jauhkan daripada kanak-kanak.
- Simpan pada suhu yang tidak melebihi 30°C.
- Simpan botol di bahagian luaran karton untuk melindunginya daripada pancaran cahaya.
- Jangan biarkan larutan tertinggal di dalam pengabut setelah rawatan selesai.
- Selepas membuka botol:
 - catatkan hari botol dibuka.
 - tambahkan 4 minggu selepas tarikh ini. Tarikh tersebut ialah tarikh pelupusan larutan.
 - tulis tarikh pelupusan tersebut pada ruang yang disediakan di label.
 - jangan gunakan mana-mana larutan alat pernafasan yang belum digunakan tetapi sudah melepasi tarikh pelupusan. Kembalikan botol tersebut kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.
- Jika botol belum dibuka, jangan gunakan larutan

selepas tarikh luputnya yang dinyatakan pada label dan bekasnya selepas perkataan 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

- Jika anda diminta untuk menghentikan pengambilan ubat ini, kembalikan Ventolin Respiratory Solution yang tidak digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Ubat tersebut tidak boleh dilupuskan melalui pembuangan ke sumber air atau tong sampah. Tanya ahli farmasi anda tentang cara-cara untuk melupuskan ubat yang sudah tidak diperlukan. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Huraian Produk

Rupa produk

Ventolin Respiratory Solution terkandung di dalam botol kaca berwarna kuning jingga dan berjumlah 20 ml. Larutan ini berwarna jernih atau kuning muda.

Kandungan

- Bahan aktif ialah salbutamol sulfat.
- Bahan lain ialah air, benzalkonium klorida dan asid sulfurik.
- Setiap botol 20 ml mengandungi 100 mg salbutamol sulfat

Ventolin Respiratory Solution 5mg/ml
MAL19962833ARZ

Pengilang

Glaxo Wellcome Operations
Harmire Road, Barnard Castle, Co. Durham, DL12 8DT
UK

Pemegang

Pendaftaran Produk

GlaxoSmithKline

Pharmaceutical Sdn. Bhd.
HZ.01, Horizon Penthouse,
1 Powerhouse,
1, Persiaran Bandar
Utama, Bandar Utama,
47800 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

13 February 2025

Nombor Siri:

NPRA (R1/2) 21012025/013